KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

# KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE

## UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI**
**Y.B. TIMBALAN MENTERI**
**Y.BHG. KSU**
**Y.BHG. TKSU (PDN)**
**Y.BHG. TKSU (PUP)**
**SETIAUSAHA AKHBAR**

**9 JULAI 2021 (JUMAAT)**

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

# KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

## 9 JULAI 2021 (JUMAAT)

Harian Metro

HARI : JUMAAT
TARIKH : 9/7/2021
M/SURAT : 23

# PGA7 patah cubaan penyeludup

**Pasir Mas:** Batalion Ke-7 Pasukan Gerakan Am (PGA7) merampas sejumlah minyak masak bersubsidi dan produk sejuk beku dari Thailand yang dianggarkan bernilai RM37,544, dalam dua serbuan berasingan dekat sempadan Malaysia-Thailand, semalam.

Turut dirampas empat kenderaan iaitu dua Proton Iswara dan dua van bernilai RM51,000.

Pegawai Pemerintah PGA7, Superintandan Azhari Nusi berkata, serbuan dilakukan hasil kolaborasi antara pihaknya dengan penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kelantan dalam Op Kontraban.

Beliau berkata ,dalam serbuan pertama jam 3.30 petang, pihaknya membuat pemerhatian dari jauh di Kampung Padang Embun, di sini dan mendapati beberapa lelaki memunggah kotak dari dua van ke dalam sebuah Proton Iswara dalam keadaan mencurigakan.

"Ketika serbuan, dua lelaki di situ melarikan diri bersama kenderaan dan telah dikejar hingga Chabang Empat, Tumpat," katanya. - Bernama

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI : JUMAAT
TARIKH : 9/7/2021
M/SURAT : 14



**Senarai Harga Barang Keperluan**

| | |
|---|---|
| Ayam | RM6.39 |
| Daging lembu tempatan | RM35 |
| Daging lembu import | RM29.90 |
| Telur Gred A (30 biji) | RM11.40 |
| Ikan kembung | RM8.90 |
| Minyak masak | RM6.35 |
| Gula pasir | RM2.85 |
| Bawang besar holland | RM2.80 |
| Bawang putih | RM5.50 |
| Cili merah | RM10.95 |
| Kubis tempatan | RM3.49 |
| Tepung gandum | RM2.20 |

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP